



Emas Putih

» Harga sarang burung walit yang sudah diproses cecah hingga RM12,000 sekilogram

INFO

Burung walit

- ⊙ Aktiviti burung walit boleh dikesan di seluruh Malaysia.
- ⊙ Mempunyai daya ingatan hebat - mampu mengenal pasti sarang mereka di antara ribuan sarang lain.
- ⊙ Pasangan burung walit adalah berketurunan (satu pada yang satu).
- ⊙ Burung jantan dan betina akan membantu semasa proses pembinaan sarang.
- ⊙ Sarang dibina pada waktu malam.
- ⊙ Pasangan burung walit akan bergilir mengaram telur.
- ⊙ Musuh ketat spesies ini termasuk ular, kelawar, helang, tikus dan cicak.
- ⊙ 80 hingga 90 peratus suhu sekitar 26 ke 31 darjah Celsius untuk membina di dalam gua atau rumah yang berkeadaan gelap.
- ⊙ Mampu terbang sejauh 50 hingga 100 kilometer sehari dan boleh terbang 1,500 kaki dari paras laut. Hidup bertenggok seperti kelawar dan mampu terbang dalam gelap. Keluar sarang seawal jam 6:30 pagi dan balik semula ke sarang pada jam 7:30 malam.

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@
bhanan.com.my

Khasiat sarang burung walit sememangnya tidak asing lagi di kalangan masyarakat Cina di seluruh dunia. Kepelbagaian khasiatnya sebagai makanan tambahan untuk kesihatan dan kecantikannya menyebabkan sarang burung walit digelar Emas Putih.

Kini lambakan produk kesihatan berasaskan ekstrak sarang burung walit di pasaran menjadi bukti ia semakin popular dan diterima masyarakat dunia.

Namun, di sebalik lambakan produk ini, masih ramai masyarakat Melayu tidak mengenali burung walit dan keistimewaan sarang yang dihasilkan burung itu.


Bersandarkan kepada seribu satu khasiat khazanah ciptaan Tuhan ini serta peluang pasaran yang luas, Pengurus Operasi Swift Symphony Sdn Bhd, Ir Au CM, mengorak langkah dalam industri burung walit dengan menawarkan khidmat membina rumah

burung walit dan mencari pelabur dalam industri yang semakin berkembang pesat ini.

Au berkata, puaian sarang burung walit sudah bermula sekitar 1878 lagi di Gua Niah, Sarawak. Sejak itu, ia bertukar kepada satu industri perladangan yang kini dushakan secara besar-besaran dan memberikan keuntungan yang tinggi.

Katanya, industri sarang burung walit menjadi satu-satunya industri yang tidak akan berdepan dengan saingan dari negara luar khususnya China dan India kerana spesies burung walit hanya boleh didapati di negara rantau Asia Tenggara iaitu Indonesia 70 peratus, Thailand (20 peratus) dan Malaysia (7 peratus).

Au menerusi syarikat kendaliannya, Swift Symphony yang sebelum ini menjalankan perniagaan berasaskan kejuruteraan, tidak pernah terfikir untuk mencuburi industri ini sehinggalah pada 2004 beliau berjumpa dengan pakar penyelidik sarang burung walit, Prof Dr Christopher Lim, yang kini rakan kongsi bersama Swift Symphony Sdn Bhd.



Au CM (kanan) dan Christopher merupakan pengasas Swift Symphony Sdn. Bhd